

Invoice

 No
 Current Name
 Street Name 1
 70000 City Name

 Street Name 1
 70000 City Name
 Tel: 000-000000
 E-Mail: anekam@percuma.com

 Invoice No:
 001042401
 Date:
 24.04.2020
 Clerk name: Mr
 Your Name

 Dear Mr Current Name,
 I authorize myself to create following invoice:

Num	Qty	Units	Article No	Goods/Service	Unit Price	Price
1	1	pcs		Food photography for summer menu. Menu design and printing on glossy cardstock DSK A5 double sided 50 copies	273.11 €	273.11 €
1	30	pcs		Single product photo on white background	2.92 €	87.60 €
1	1	pcs		Photo Licenses for Certificates	18.80 €	18.80 €
Total						379.51 €
VAT 9%						33.76 €
Total Amount Payable						413.27 €

**PROGRAM PENGAKUAN
SUKARELA 2.0:
AMBIL PELUANG LUNAS
CUKAI TANPA PENALTI**

**MAJLIS ANUGERAH
HASIL 2023**

PELAKSANAAN e-INVOIS

Memperkemas dan
Memperkasakan Sistem
Percukaian Negara

PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0

Jangan Lepaskan Peluang!!!

Tempoh Pelaksanaan
06.06.2023 - 31.05.2024



Penalti 0% KE ATAS CUKAI dan BAYAR dalam tempoh

Siapa perlu mengambil peluang ini?

1. Pembayar cukai baharu yang belum pernah melaporkan pendapatan
2. Pembayar cukai yang pernah melaporkan pendapatan dan mempunyai pendapatan / pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan
3. Pembayar cukai yang tidak melaporkan pelupusan aset (harta tanah dan syer)
4. Pembayar duti yang tidak membuat penyeteman dokumen / perjanjian dalam tempoh dibenarkan



Imbas Di Sini

Tempoh Pemprosesan :

- ✓ **14 HARI BEKERJA** dari tarikh permohonan LENGKAP dan MEMENUHI syarat kelayakan PKPS 2.0
- ✓ **Kes harga pindahan (TP) 30 HARI BEKERJA**



HASiL Live Chat
HASiL Care Line LHDNM di talian 03-8911 1000 atau 03-8911 1100
Kaunter perkhidmatan LHDNM berdekatan

Hubungi Kami di:

PELEPASAN INDIVIDU



INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGUNGAN
RM9,000



SUAMI/ISTERI/ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI
RM4,000



YURAN PENGAJIAN DIRI SENDIRI
RM7,000



POTONGAN TAMBAHAN BAGI INDIVIDU KURANG UPAYA
RM6,000

POTONGAN TAMBAHAN BAGI SUAMI ATAU ISTERI KURANG UPAYA
RM5,000



- PERINGKAT SELAIN SARJANA ATAU DOKTOR FALSAFAH
- PERINGKAT SARJANA ATAU DOKTOR FALSAFAH
- KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN ATAU KEMAJUAN DIRI (TERHAD RM2,000)

CARUMAN & SUMBANGAN



PERKESO/ SKIM INSURAN PEKERJAAN
RM350



SKIM PERSARAAN DAN ANUITI TERTANGGUH
RM3,000



SSPN (TABUNGAN BERSIH)
RM8,000



INSURAN NYAWA DAN KWSP
i) INDIVIDU PENJAWAT & SELAIN PENJAWAT AWAM (BERPENCEN) DAN BEKERJA SENDIRI
RM7,000

- SKIM YANG DILULUSKAN ATAU CARUMAN SUKARELA KEPADA KWSP (TERHAD RM4,000)

- PREMIUM INSURAN HAYAT, SUMBANGAN TAKAFUL KELUARGA ATAU CARUMAN SUKARELA TAMBAHAN KWSP (TERHAD RM3,000)



INSURAN PENDIDIKAN DAN PERUBATAN (INDIVIDU/PASANGAN/ANAK)
RM3,000



GAYA HIDUP & PERUBATAN



PEMASANGAN/SEWAAN/PEMBELIAN KEMUDAHAN PENGECAKAN KENDERAAN ELEKTRIK BAGI KEGUNAAN SENDIRI
RM2,500

GAYA HIDUP
RM2,500



- PEMBELIAN & LANGGANAN BAHAN BACAAN
- PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR/TABLET
- BAYARAN BIL BULANAN LANGGANAN INTERNET
- PEMBELIAN PERALATAN SUKAN & BAYARAN KEAHLIAN GYMNASIUM



PERBELANJAAN PERUBATAN
RM10,000

i) PENYAKIT SERIUS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ANAK)

ii) PERBELANJAAN RAWATAN KESUBURAN (DIRI SENDIRI ATAU PASANGAN)

iii) PERBELANJAAN (TERHAD RM1,000) BAGI:

- PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH, UJIAN PENGESANAN COVID-19 DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN MENTAL DAN KONSULTASI

iv) PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI PEMVAKSINAN

v) RAWATAN INTERVENSI AWAL/PEMULIHAN ANAK KURANG UPAYA PEMBELAJARAN (TERHAD RM4,000)

PEMBELIAN PERALATAN PENYUSUAN
RM1,000



- PEMBAYAR CUKAI WANITA SAHAJA
- ANAK BERUMUR KURANG 2 TAHUN
- TUNTUTAN DIBUAT SEKALI SETIAP 2 TAHUN

PERALATAN ALAT SOKONGAN ASAS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ ANAK/IBUBAPA OKU)
RM6,000



TAMBAHAN GAYA HIDUP **RM500**

BERKAITAN AKTIVITI SUKAN
- PEMBELIAN PERALATAN SUKAN
- SEWAAN/FI DI MANA-MANA FASILITI SUKAN
- FI PENDAFTARAN PENYERTAAN PERTANDINGAN

RAWATAN PERUBATAN KEPERLUAN KHAS DAN PENJAGAAN IBU BAPA
RM8,000



PELEPASAN ANAK



ANAK BERUMUR DI BAWAH 18 TAHUN
RM2,000

- BELUM BERKAHWIN



YURAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK/ TADIKA BERDAFTAR
RM3,000

- BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH
- DIBENARKAN TUNTUTAN SAMA ADA SUAMI ATAU ISTERI



ANAK KURANG UPAYA
RM6,000



ANAK BERUMUR DI ATAS 18 TAHUN
RM2,000

- BELUM BERKAHWIN
- BELAJAR SEPENUH MASA



ANAK BERUMUR DI ATAS 18 TAHUN
RM8,000

- BELUM BERKAHWIN
- BELAJAR DI IPT (DIPLOMA DAN KE ATAS)



TAMBAHAN BAGI ANAK KURANG UPAYA
RM8,000

- BELUM BERKAHWIN
- BELAJAR DI IPT (DIPLOMA DAN KE ATAS)



Maklumat lanjut, sila layari www.hasil.gov.my

Kemaskini Sehingga: 4 November 2023



Penggunaan secara mandatori e-Perkhidmatan melalui Portal MyTax

1. Secara berperingkat mulai 1 September 2023; dan
2. Secara sepenuhnya menjelang 1 Januari 2024

e-Daftar

e-KYC

e-CP55D

e-Kemaskini
Profil Diri Individu

e-CP39

e-Data PCB

e-Anggaran

e-Filing

MITRS

STAMPS

e-BNT Syarikat

e-Residen

e-TT

e-Kemaskini
Profil Syarikat

ByrHASiL

e-Billing

e-CP22

e-WHT

e-CKHT

e-Permohonan
Pindaan BE

TAeF

e-PCB

e-SPC (Individu)

e-SPC (Selain
Individu)

e-Data Prais/
e-CP8D

e-107D



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



[@lhdnofficial](https://tiktok.com/@lhdnofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

ISI

KANDUNGAN

5

Ikon

YBrs. Dr Gunasegaran A/L Muthusamy	5
Pengarah Jabatan Penyelidikan dan Strategik	

11

Fokus Cukai

Pelaksanaan E-Invois: Memperkemas dan Memperkasakan Sistem Percukaian Negara	11
--	----

15

Semasa

HASiLian <i>Research Snapshot</i> (HRS) :	15
<i>The Relationship Between Demographics Factors and the Participation by the Individual Taxpayers in Johor Bahru in the Special Voluntary Disclosure Program (SVDP)</i>	

17

Rangkuman

HASiL Accountants Conference 2023	17
Majlis Taklimat Bajet 2024	19
Majlis Anugerah HASiL 2023	21
Rangkuman Aktiviti Sukan Team HASiL 2023	23
Program Galakan Membaca Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Tahun 2023	27
Bulan Kaunseling Kebangsaan 2023 Peringkat HASiL	30
Sambutan Hari Inovasi dan Integriti HASiL 2023	31
Kompilasi Sesi Libat Urus HASiL	35

37

Klinik Cukai

Program Pengakuan Sukarela 2.0: Ambil Peluang Lunas Cukai Tanpa Penalti	37
Trivia Aktiviti Pendidikan Cukai HASiL	41

42

HASiL Prihatin

Rangkuman Aktiviti HASiL Bersama Komuniti	42
---	----

45

Cetusan

Tinta Duka Dari Bumi Syria	45
Anda Buntu? HASiL Sedia Membantu	48

TEAM BERITA HASIL

PENAUNG :

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Nizom Bin Sairi

PENASIHAT :

Noraini Binti Mustafa

PENYELARAS :

Masrun Bin Maslim

SUSUNAN & PENYEDIAAN BAHAN :

Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia,
Jabatan Khidmat Korporat

PEREKA GRAFIK :

Precious Print Sdn. Bhd.

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA :

YBrs. Dr Gunasegaran A/L Muthusamy, Pengarah
Jabatan Penyelidikan dan Strategik
Encik Amir Arif bin Zulkapli, HASiL Johor
Encik Mohd Khairul Mustazam Bin Idris
Jabatan Kewangan
Jabatan Dasar Percukaian
Jabatan Pengurusan Insan
Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko
Bahagian Komunikasi, Pejabat Ketua Pegawai
Eksekutif
Majlis Kebajikan dan Sukan Hasil Dalam Negeri
Malaysia (Majlis Sukan)

EDARAN :

Pusat Sumber HASiL

TARIKH KELUARAN :

Disember 2023

YBRS. DR GUNASEGARAN A/L MUTHUSAMY **PENGARAH JABATAN PENYELIDIKAN DAN STRATEGIK**

**“ Percaya Pada Kebolehan Diri Sendiri
Adalah Langkah Pertama
Ke Arah Kejayaan ”**

YBrs. Dr. Gunasegaran A/L Muthusamy



Apabila bercakap tentang bidang penyelidikan dan kajian di HASiL, beliau merupakan antara individu terawal yang akan tercetus di fikiran Team HASiL. Apa tidaknya, beliau sentiasa dilihat mempunyai pelbagai idea dan cetusan pemikiran dalam pelbagai cabang ilmu, mempunyai kredibiliti dalam mengutarakan pandangan yang kritis, serta selalu dijadikan sebagai pakar rujuk dalam isu-isu percukaian. Malah, beliau sering diundang sebagai panelis dalam pelbagai persidangan percukaian sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Beliau yang yang ditampilkan dalam edisi penutup naskhah Berita Hasil 2023 ini adalah YBr. Dr Gunasegaran A/L Muthusamy, Pengarah Jabatan Penyelidikan Dan Strategik.

CABARAN DAN KEPIMPINAN

Berita Hasil (BH) : Cabaran utama dalam tugas dan cara tangannya

YBr. Dr. Gunasegaran (DRG): Bagi saya, cabaran paling utama adalah mencari kaedah terbaik untuk menyediakan “sustainable foundation” kepada Jabatan Penyelidikan dan Strategik (JPS) supaya menjadi salah sebuah jabatan yang berdaya tahan dan signifikan dalam mendepani perubahan persekitaran penyelidikan serta pentadbiran cukai semasa.

Setelah mengambil alih kepimpinan di JPS sekitar pertengahan tahun 2018, saya telah mengambil pendekatan menggunakan **Prinsip 4R** dalam melakar hala tuju seiring dengan perubahan transformasi semasa seperti gambarajah di bawah:



1. RETHINK

Pertama, saya perlu memahami kedudukan semasa JPS, terutamanya pandangan pengurusan atasan terhadap pencapaian JPS. Jika terdapat kekurangan, saya perlu memikirkan langkah-langkah penambahbaikan dan membuat penyusunan semula kepada pendekatan yang diambil. Secara asasnya, kita perlu *rethink* dan *reorganise* urusan tugas untuk bertahan dalam norma dan cabaran baharu.

2. REIMAGINE

HASiLian JPS perlu berimaginasi setinggi serta seluas yang mungkin bagi mengubah cabaran yang berpotensi untuk menjejaskan kualiti penyampaian JPS serta menghalang kepada peluang mengusahakan produk atau proses kerja baharu seiring dengan keadaan semasa. Kita perlu menggambarkan semula JPS dari pelbagai sudut untuk membina semula seterusnya mengukuhkan jabatan ini.

3. REINVENT

Dalam setiap perancangan yang dibuat, penyusunan strategi yang sedia ada diperlukan untuk memantapkan pengurusan JPS dalam keadaan semasa yang mencabar. Oleh itu, kita perlu mencipta semula proses dan cara kerja dengan mengadaptasikan “*responsible business best practice*”.

4. RESET

Selepas kita *Rethink*, *Reimagine* dan *Reinvent*, maka tibalah masa untuk menterjemahkan strategi dan idea kepada tindakan, seterusnya memantau pencapaian yang diperolehi. Maka, kita perlu lakukan *Reset* dengan menetapkan semula matlamat dan cita-cita yang ingin dicapai.

KEPIMPINAN

BH : Apakah pendapat Dr. tentang ciri-ciri kepemimpinan yang penting kepada seorang pemimpin untuk menjayakan misi dan visi organisasi?

DRG : Seorang pemimpin mestilah seorang yang berkarisma dengan gaya kepemimpinan *transformational* untuk mengerakkan HASiL to *greater heights*. Karisma itu ibarat api yang menyemarakkan tenaga dan komitmen pekerja serta membuahkan hasil yang melangkau tuntutan dan tanggungjawab. Manakala,

gaya kepemimpinan *transformational* adalah merujuk kepada aktiviti peningkatan (*elevating activity*) yang membawa individu melampaui rutin-rutin dan *pragmatic concern* mereka kepada tujuan aras yang tinggi dan persoalan yang timbul bukanlah “to DO more” semata-mata, tetapi “to BE more”.

Sebagai seorang pemimpin, beliau perlu bertindak sebagai:

i. Prime Mover

Pemimpin perlu menentukan hala tuju dan merangka strategi untuk merealisasikan visi ini. Individu inilah yang menjadi penggerak utama dalam menuju sasaran yang telah ditetapkan;

ii. Great Motivator

Pemimpin mestilah seorang yang berupaya merangsang kemahuan dan tenaga individu lain untuk terus berminat serta komited dalam

mencapai sasaran. Beliau bertanggungjawab dalam mewujudkan kesedaran (*Awareness*) dan meningkatkan penerimaan (*Acceptance*) dalam kalangan pasukannya, dan

iii. Change Champion

Pemimpin haruslah seorang yang sangat berkemahiran dalam meneraju, melaksana dan mengurus perubahan.

HALA TUJU DAN HARAPAN

BH : Hala tuju dan strategi bagi memacu JPS dalam memberi nilai tambah kepada prestasi semasa HASiL

DRG : Hala tuju JPS pada masa sekarang adalah berpandukan kepada Pelan Korporat LHDNM 2021-2025. Pelan ini secara jelas telah memperincikan arah pencapaian matlamat HASiL dan telah menjadi asas rujukan JPS bagi perancangan untuk tempoh lima (5) tahun. JPS telah berpandukan kepada 4 Teras Strategik dalam pelan ini sebagai panduan dan rujukan bagi memenuhi ekspektasi pihak berkepentingan, pemegang taruh serta pelanggan. Ia merangkumi pelbagai aspek penting seperti berikut :

Hala Tuju:

- a. Peningkatan kualiti kertas kajian yang dihasilkan,
- b. Peningkatan keberkesanan operasi,
- c. Penekanan pada inovasi,
- d. Peningkatan kualiti pendidikan dan latihan,
- e. Penyelarasan dengan teknologi terkini, dan
- f. Kolaborasi dengan pihak luar.

Strategi:

- a. Pemantauan prestasi berterusan,
- b. Penggunaan data dan analisis,
- c. Pembangunan pemimpin masa depan,
- d. Peningkatan hubungan dalam JPS, dan
- e. Pengurusan perubahan.

Hala tuju dan strategi ini perlu diselaraskan dengan matlamat dan visi organisasi serta mengambil kira faktor-faktor luaran seperti perubahan dalam keadaan ekonomi dan tuntutan pihak berkepentingan. Selain itu, penyertaan dan sokongan daripada Hasilian JPS adalah penting untuk mencapai kejayaan dalam pelaksanaan strategi-strategi ini.

BH : Harapan terhadap generasi baharu

DRG : Besar harapan saya terhadap generasi pegawai HASiL terbaharu merangkumi pelbagai aspek seperti berikut :

- i. Pegawai perlu mempunyai **kemahiran teknikal** yang kukuh dalam bidang per-cukai dan pengurusan data serta cekap menggunakan sistem,
- ii. Pegawai perlu mempunyai tahap **integriti yang tinggi dan etika kerja yang kukuh** dalam mengendalikan maklumat dan data serta kepatuhan terhadap standard etika profesional dalam melaksanakan tugas-tugas mereka,
- iii. Pegawai mempunyai **kemahiran komunikasi yang baik**, sama ada dalam berko-munikasi dengan rakan sekerja atau dalam berinteraksi dengan pembayar cukai serta berupaya untuk menjelaskan peraturan cukai dengan jelas kepada masyarakat,
- iv. Penumpuan kepada penyampaian perkhidmatan yang **berfokuskan pelanggan** dalam membantu pembayar cukai memahami kewajipan dan memudahkan urusan percukaian mereka,
- v. Kemahiran untuk **mengenal pasti dan menyelesaikan masalah** yang berkaitan kerja serta mempunyai kemahiran analisis yang baik untuk menangani cabaran yang mungkin timbul,
- vi. Sikap **terbuka terhadap pembelajaran dan pembangunan diri** untuk sentiasa mengemas kini pengetahuan seiring dengan perubahan peraturan serta dasar cukai,
- vii. Kemampuan untuk **bekerja dalam pasukan** dan berkolaborasi dengan jabatan atau agensi lain untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang cukai, dan
- viii. Pegawai **berupaya untuk berinovasi** dalam merangka dasar dan prosedur yang lebih baik dalam meningkatkan kecekapan dan keadilan dalam sistem cukai.

KENANGAN, PENCAPAIAN DAN IMPIAN**Kenangan Yang Tidak Dapat Dilupakan Sepanjang Perkhidmatan**

Mendapat hadiah biasiswa JPA selama 4 tahun pada tahun 2007 untuk Ijazah Kedoktoran (PhD) di Australia. Biasiswa ini membolehkan saya membawa keluarga saya menetap di Perth, Western Australia. Pengalaman ini membuat saya lebih matang secara pemikiran dan juga memudahkan interaksi saya dengan pegawai pentadbir cukai antarabangsa.

Diberi peluang untuk *attachment di Organisation for Economic Cooperation and De-velopment (OECD)*, Perancis selama 6 bulan pada tahun 2013. Ketika inilah, inisiatif pembelajaran cukai untuk remaja oleh HASiL dimasukkan dalam terbitan oleh *OECD's Tax Force on Tax and Development*. Cadangan saya telah diterima kerana kita adalah negara yang pertama mengadakan program Kem Cerdik Cukai dan Kidzania. Inisiatif ini julung kali diterbitkan dalam buku *Building Tax Culture, Compliance and Citizenship: A Global Source Book on Taxpayer Education* di bawah tajuk Malaysia: *Tax Fun for Children*. Selain itu, saya juga telah menyediakan penulisan "*OECD's Recommendations on Reducing Tax Compliance Costs in Order to Allow SMEs To Emerge and Grow*" dan ia telah dibentangkan di Parlimen United Kingdom.

Pencapaian Peribadi



INSPIRASI BUAT HASILIAN

Percaya pada kebolehan diri sendiri adalah langkah pertama ke arah kejayaan. Janganlah ragu pada potensi yang ada dalam diri anda kerana prestasi tiada batasan. Jika anda bersedia berusaha, anda pasti dapat mencapai apa sahaja yang diimpikan. Merungut tidak akan mengubah keadaan, tetapi tindakan positif dan keberanian untuk berubah akan membawa perubahan yang diimpikan. Mulailah hari ini dengan tekad baharu.

SUDUT PANDANG

AES (Awareness, Education, Services) dan polisi “No Wrong Door”

Strategi meningkatkan pematuhan cukai melalui kesedaran, pendidikan dan perkhidmatan adalah satu inisiatif yang baik. *Awareness* dan *education* dapat membantu masyarakat Malaysia memahami tanggungjawab dan perundangan percukaian agar menjadi lebih celik cukai. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela, sekali gus akan meningkatkan hasil kutipan cukai. Manakala penumpuan kepada *Services* yang berkualiti akan memastikan pembayar cukai dapat menunaikan tanggungjawab membayar cukai dengan mudah.

Melalui pendekatan holistik sebegini, HASiL dapat mencapai matlamat meningkatkan pematuhan cukai

dan mendorong kepada kerjasama dengan pelbagai pihak. *We have to strike the right balance between AES and enforcement.* Both initiatives have to go hand in hand to increase compliance dan perlu dilaksanakan secara berterusan oleh Team HASiL.

Polisi *No Wrong Door* yang telah lama diamalkan oleh Team HASiL, kini bertambah baik dengan perkembangan teknologi dan pencapaian semua data dalam sistem. Urusan percukaian boleh diselesaikan di mana-mana lokaliti HASiL dan sistem dapat diakses sepanjang masa seperti yang diamalkan oleh bank serta beberapa agensi di luar sana. Melalui cara ini, kita dapat *facilitate* dan bukan *frustrate* pelanggan utama kita iaitu pembayar cukai.

Pengurusan Kewangan

Bagi seseorang individu,

- Pengurusan kewangan membantu individu merancang dan mencapai matlamat kewangan mereka, seperti membeli rumah, pendidikan anak-anak, dan persaraan yang selesa;
- Perancangan bajet dan pengurusan wang membantu individu untuk berjimat cermat dan melibatkan diri dalam pelaburan yang berpotensi memberikan pulangan positif;
- Memahami pengurusan hutang dan pengurusan kredit membantu individu mengelakkan masalah hutang yang berlebihan dan meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka; dan
- Pengurusan kewangan membantu individu menyusun perancangan kewangan yang dapat menangani risiko, termasuk kecemasan kewangan dan ketidakstabilan ekonomi.

Dari sudut organisasi pula,

- Pengurusan kewangan yang efisien meningkatkan keberkesanan operasi organisasi, membantu dalam pengurusan aset dan kewangan dengan lebih cekap;
- Penyediaan laporan kewangan yang tepat pada masanya membantu organisasi dalam membuat keputusan yang lebih baik dan memberikan akauntabiliti kepada pihak berkepentingan; dan
- Perancangan dan pelaksanaan strategi kewangan membantu organisasi untuk mencapai kestabilan kewangan serta meningkatkan ketahanan terhadap ketidakpastian ekonomi.

Pengurusan kewangan adalah aspek yang penting untuk mencapai kestabilan, pertumbuhan, dan kesejahteraan di semua peringkat kehidupan, sama ada peribadi mahupun organisasi.



PELAKSANAAN E-INVOIS: MEMPERKEMAS DAN MEMPERKASAKAN SISTEM PERCUKAIAN NEGARA

Oleh : Jabatan Khidmat Korporat

Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan e-Invois secara berperingkat bagi meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran percukaian negara dalam usaha menyokong pertumbuhan ekonomi digital. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan strategi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), di mana fokus diberikan kepada pengukuhan infrastruktur perkhidmatan digital dan pendigitalan pentadbiran cukai. Melalui transformasi digital dalam pentadbiran percukaian, pelaksanaan e-Invois merupakan salah satu inisiatif dalam meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kawalan pengurusan cukai serta kewangan.

e-Invois merupakan representasi dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara penjual dan pembeli bagi menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format pdf, jpeg, doc, dan lain-lain. Ia mengandungi maklumat penting yang sama seperti dokumen tradisional seperti butiran penjual dan pembeli, keterangan item, kuantiti, harga tanpa cukai, cukai dan jumlah keseluruhan yang merekodkan data transaksi untuk operasi perniagaan harian.

Seluruh dunia beralih ke arah e-Invois

e-Invois telah diperkenalkan di beberapa negara sejak tahun 2001 termasuk Chile, Brazil, Mexico, Denmark, Itali, Perancis, Arab Saudi, Mesir, Korea Selatan, Singapura, China dan lain-lain. Selari dengan pendigitalan, pentadbir percukaian di seluruh dunia sedang beralih ke arah e-Invois bagi pematuhan cukai terutamanya *Centralised Clearance Model*, iaitu model

Continuous Transaction Control (CTC) memandangkan kesahihan data invois disahkan sebelum dikeluarkan kepada pembeli. Dijangkakan lebih daripada 13 negara seperti Belgium, Jerman, Denmark, Bahrain, Oman, dan lain-lain akan memperkenalkan *Clearance Model* menjelang 2027.



Pelaksanaan e-Invois di Malaysia

Pelaksanaannya di Malaysia akan melibatkan pengeluaran invois bagi transaksi perniagaan yang dilakukan antara perniagaan dengan perniagaan (B2B), perniagaan dengan kerajaan (B2G) dan perniagaan dengan pelanggan (B2C). Pelaksanaan e-Invois ini bukan sahaja melibatkan transaksi tempatan malah turut melibatkan perniagaan luar negara.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus komited mengatur strategi dalam memperkasa agenda pembangunan dan pelaksanaan e-Invois dengan menambah baik dokumentasi panduan dan rujukan pembayar cukai meliputi Garis Panduan Umum e-Invois (Versi 2.1) dan Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 1.1).

Garis Panduan Umum e-Invois (Versi 2.1) mengandungi maklumat tambahan umum yang telah dikemaskini berhubung pelaksanaan inisiatif e-Invois, manakala **Garis Panduan Spesifik e-Invois**

(Versi 1.1) pula menerangkan secara khusus bagi transaksi tertentu seperti transaksi melibatkan pembeli, penyata atau bil yang disediakan secara berkala, pengeluaran dan bayaran balik serta perkusit dan manfaat pekerja.

Garis Panduan Spesifik ini turut menerangkan tentang sebahagian perbelanjaan oleh pekerja bagi pihak majikan, pengeluaran e-Invois bil sendiri dan transaksi yang melibatkan pembayaran dalam bentuk kewangan kepada ejen, pendedar atau pengagih. Bukan itu sahaja, Garis Panduan Spesifik e-Invois juga mengandungi maklumat lebih lanjut berkaitan transaksi rentas sempadan, pengagihan keuntungan, pendapatan luar negara, kadar tukaran mata wang asing, gambaran berkaitan *Application Programming Interface* (API) dan keselamatan siber.

Pembayar cukai boleh mengakses dan memuat turun garis panduan umum dan spesifik ini menerusi pautan <https://www.hasil.gov.my/e-invois/>.

Manfaat e-Invois

Pelaksanaan e-Invois akan meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan pembayar cukai serta meningkatkan tahap pematuhan cukai termasuklah mengurangkan proses manual dan kesilapan, memudahkan pengemukaan Borang Nyata, meningkatkan kecekapan operasi dan mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan

 <p>Mengurangkan proses manual dan kesilapan</p> <p>Pemrosesan invois bersepadu melalui penyediaan dan pengemukaan dokumen transaksi & data secara elektronik</p>	 <p>Memudahkan pengemukaan borang nyata</p> <p>Pelaporan percukaian yang cekap dan tepat melalui integrasi sistem yang lancar</p>	 <p>Meningkatkan kecekapan operasi</p> <p>Pemeriksaan kecekapan pengoperasian serta menjimatkan masa dan kos</p>	 <p>Mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan</p> <p>Penyelarasan proses digitalisasi dan pelaporan kewangan berdasarkan piawaian industri</p>
---	---	---	--


Pelaksanaan e-Invois memberi manfaat ke arah meningkatkan tahap pematuhan cukai.

Mekanisme e-Invois

Bagi memudahkan peralihan kepada e-Invois, pembayar cukai boleh memilih mekanisme yang paling sesuai untuk menghantar e-Invois kepada HASiL berdasarkan keperluan perniagaan mereka dan keadaan tertentu. Pembayar cukai boleh memilih sama ada untuk menggunakan Portal MyInvois atau API.

Portal MyInvois ialah portal yang dihoskan oleh HASiL di mana pembayar cukai boleh mengakses

tanpa sebarang kos sekiranya sambungan API tidak tersedia. Manakala, **API** ialah satu set kod pengaturcaraan yang membolehkan penghantaran data secara langsung antara sistem pembayar cukai dan Sistem MyInvois. Mekanisme ini sesuai untuk pembayar cukai besar atau perniagaan dengan jumlah transaksi yang besar kerana ia memerlukan pelaburan awal dalam teknologi dan pelarasan kepada sistem sedia ada.



Gambaran keseluruhan aliran kerja pelaksanaan e-Invois bermula daripada penyediaan e-Invois melalui Portal MyInvois atau API hingga ke proses penyimpanan dokumen e-Invois yang telah disahkan dalam pangkalan data HASiL untuk pembayar cukai melihat sejarah e-Invois mereka.

Garis Masa Pelaksanaan e-Invois

e-Invois akan dilaksanakan secara berperingkat untuk memastikan pelaksanaannya berjalan dengan lancar. Pertimbangan dan perancangan yang teliti telah dibuat dengan mengambil kira julat pendapatan atau jualan tahunan. Ini bagi memastikan pembayar cukai mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk menyediakan dan menyesuaikan diri dengan pelaksanaan e-Invois.

Fasa Rintis	Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
<i>Akan Diumumkan</i>	1 Ogos 2024	1 Januari 2025	1 Julai 2025
<ul style="list-style-type: none"> Pelancaran program rintis akan diumumkan dalam masa terdekat 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan mandatori bagi pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan >RM100 juta 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan mandatori bagi pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan >RM25 juta hingga RM100 juta 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan mandatori untuk semua pembayar cukai

e-Invois akan dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan pembayar cukai mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk menyediakan dan menyesuaikan diri dengan pelaksanaan e-Invois.

Usaha HASiL Memperkenalkan e-Invois kepada Pembayar Cukai

Dalam menyediakan maklumat komprehensif berkenaan pelaksanaan e-Invois di Malaysia, HASiL giat menjalankan jalinan kerjasama bersama dengan pengamal percukaian dan badan profesional. Bukan itu sahaja, sesi libat urus bersama dengan pengamal media, pempengaruh media dan pemain industri turut diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan awal dan mendapatkan maklum balas terus berkenaan strategi-strategi pemasaran yang boleh dilaksanakan bagi membantu HASiL dalam menyebarkan kepentingan e-Invois dalam konteks urusan percukaian negara.

Tambahan pula, peranan yang dimainkan oleh kumpulan ini sangat penting dan mampu bertindak sebagai duta HASiL dalam menyampaikan maklumat percukaian kepada pembayar cukai yang berkaitan.

HASiL juga telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), agensi peneraju ekonomi digital Malaysia sebagai tanda menjalinkan kerjasama strategik bagi pelaksanaan Inisiatif e-Invois Kebangsaan. Melalui MoU ini, MDEC dan HASiL akan bekerjasama dalam menyelaraskan pelaksanaan Inisiatif e-Invois Kebangsaan dengan model pematuhan cukai di seluruh negara serta berkongsi status pelaksanaan dan rangka kerja berkenaan perancangan, strategi dan perkembangan berhubung pelaksanaan inisiatif tersebut.

Adalah diharapkan dengan penganjuran sesi libat urus dan jalinan kerjasama berkenaan pelaksanaan

e-Invois ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai hasrat pihak kerajaan untuk menambah baik sistem percukaian negara dan mendorong kepada peningkatan tahap pematuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai di Malaysia.

HASiL mengalu-alukan sebarang pandangan dan maklum balas berhubung pelaksanaan e-Invois yang boleh disalurkan menerusi e-mel rasmi myinvois@hasil.gov.my



Maklumat lanjut boleh diperolehi menerusi kod QR disediakan HASiL

HASILAN RESEARCH SNAPSHOT:

The Relationship Between Demographics Factors and the Participation by the Individual Taxpayers in Johor Bahru in the Special Voluntary Disclosure Program (SVDP)

By : Mr. Amir Arif bin Zulkapli

Abstract

- The Malaysian Government launched the Special Voluntary Disclosure Program (SVDP) from 3 November 2018 until 30 September 2019 as an effort to increase the level of tax compliance in Malaysia.
- However, only 286,428 of them (28.6%) participated in this program and RM7.8 billion tax and penalty were raised.
- As there is a lack of studies conducted by researchers in Malaysia about the SVDP, this study empirically investigates the demographic variables (race, age, gender, marital status, type of income and source of income) and their relationship with participation in the SVDP by individual taxpayers in Johor Bahru.
- Findings show that marital status and type of income are statistically significant. Only two of the six hypothesized relationships are supported in this study.

Problem Statement


- The SVDP was expected to collect RM10 billion from one million of taxpayers who have incorrectly reported their tax returns or those who did not disclose their income to IRBM (The Star Online, 2019).
- However, IRBM announced that it has accumulated around RM7.88 billion in taxes, additional taxes and penalties through their SVDP (Muhammed, 2020).
- Only 29% taxpayers participated in the SVDP. The total collection was merely 80% of the original .
- The question to be asked here is why was the participation rate quite low and whether or not any factors led to the taxpayers' weak participation in the SVDP.

Research Questions

- What is the relationship between **race** and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru?
- What is the relationship between **age** and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru?
- What is the relationship between **gender** and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru?
- What is the relationship between **marital status** and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru?
- What is the relationship between **type of income** and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru?
- What is the relationship between **source of income** and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru?

Framework

The Proposed Research Framework by the Researcher



Methodology

- The scope of this study is individual taxpayers in Johor Bahru, Malaysia, who participated in the SVDP.
- This study uses a quantitative approach in which data are collected based on answers by respondents from the questionnaire given. Structured questionnaires were used to collect data from individual taxpayers in Johor Bahru.
- The questionnaire was adapted from various studies, like Bacho (2007) and Masriah (2016).
- The total population for this study is the 26,798 individual taxpayers in Johor Bahru (estimation). The sample size for 167,830 population is N132. The random sampling procedure had been applied in this study in order to gain the data collection.
- The data were analysed using SPSS.
- The following **hypotheses** were tested:
 - H1: There is a significant relationship between race and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru.
 - H2: There is a significant relationship between age and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru.
 - H3: There is a significant relationship between gender and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru.
 - H4: There is a significant relationship between marital status and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru.
 - H5: There is a significant relationship between type of income and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru.
 - H6: There is a significant relationship between source of income and the participation in the Special Voluntary Disclosure Program by individual taxpayers in Johor Bahru.

Findings

- The response rate for this study is 132.
- The majority of the respondents are Malay at 58.3%, Chinese at 21.2%, Indian (15.9%) and others (4.5%).
- The majority in the age is between 34-49 years at 40.2%, followed by 50 years and above at 36.4% and 18-33 years at 23.5%.
- The majority of the respondents are male at 53% and 47% for female.
- The majority of the respondents are single at 42.4%, whereas married is 37.9% and widowed at 19.7%.
- The majority of the respondents are self-employed at 67.4%, while those salary earners is at 32.6%.
- The majority of the respondents are individual/corporate earning taxpayers at 85.6%, while earnings from outside Malaysia is at 19%.
- The marital status and source of income values are less than the normal alpha level of 0.05, which indicates that it is statistically significant; while the other variable values are greater than the normal value, which indicates that it is statistically insignificant.
- From the six hypotheses, only two hypotheses, i.e., H4 and H5, are supported. The significant value for marital status is .003 and type of income is .004 which supported the hypothesis as the significant value is less than $p < 0.000$.
- It shows that only **marital status** and **type of income** variables have **significant relationships** with the taxpayers' participation in the SVDP.
- According to the summary of the respondent profile, for marital status, more single taxpayers participated in the questionnaires than married and widowed taxpayers. For the type of income, more self-employed taxpayers participated in the questionnaires than salary earners.
- This is concurring with past studies by Stephen et al. (2015), Tazequl (2016) and Antwi et al. (2015), that marital status has a serious business with tax non-compliance attitude.
- According to Kasipillai (1998), Hai et al. (2011) and Abdul (2001), Malaysian self-employed income earners are more likely to be involved in tax non-compliance. Moreover, Azhar et al. (2017) suggested that salary-earners are more highly involved.

Conclusion

- The researcher finds that only two demographic factors in this study (marital status and type of income) have a significant relationship with SVDP participation by taxpayers in Johor Bahru.
- As suggestions for IRBM to enhance the tax compliance level among the taxpayers in Malaysia:
 - the IRBM can enforce some measures, for example, extending the period of the SVDP in future if such a program is to be reintroduced
 - The IRBM may extend the program for a whole year in order to give enough time for the taxpayers to voluntarily declare their income
 - the IRBM can cooperate with the academicians and researchers as it will benefit them in future through joint study findings and recommendations.

Research Gap

- All the findings of this study cannot be generalized to taxpayers throughout Malaysia. It applies to individual taxpayers in Johor Bahru only.
- It is hoped that other researchers can undertake studies regarding the SVDP from various perspectives, involving other states of Malaysia.

HASiL Accountants Conference 2023 (ACCON 2023)

Oleh : Jabatan Kewangan

Bertemakan “*Paving the Way Forward for Accountants*”, HASiL Accountants Conference 2023 (ACCON 2023) anjuran Jabatan Kewangan telah diadakan pada 8 sehingga 11 Ogos 2023 di Pahang. Persidangan ini telah dirasmikan pada 8 Oktober 2023 oleh YBhg. Datuk Hisham bin Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) dan turut disertai oleh Akauntan Hasil yang terdiri daripada gred E1 ke atas dari Jabatan Kewangan, Jabatan Audit Dalam, Jabatan Pungutan Hasil serta akauntan-akauntan negeri dari Seksyen Kewangan Negeri HASiL dengan penyertaan keseluruhannya berjumlah 100 orang Team HASiL.

Penganjuran konvensyen yang diadakan setiap dua tahun sekali ini bertujuan untuk mengumpulkan Akauntan Hasil dari seluruh Malaysia bagi mendapatkan input, pandangan dan aspirasi dalam memformulasikan plan transformasi demi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan kewangan HASiL.

Antara pengisian ACCON 2023 sepanjang ia berlangsung adalah :





Barisan peserta HASiL Accountants Conference 2023 (ACCON 2023)

Antara pengisian dalam ACCON 2023



MAJLIS TAKLIMAT BAJET 2024

Oleh : Jabatan Dasar Percukaian

Belanjawan Madani 2024 bertemakan “**Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat**” menghamparkan tekad dan kesungguhan Kerajaan Perpaduan dalam memaknai sebuah cetusan nurani bagi mengangkat darjat harakat ekonomi negara dan rakyat. Dalam memberikan penjelasan serta kefahaman awal kepada Team HASiL, Majlis Taklimat Bajet (MTB) 2024 telah dianjurkan pada 17 Oktober 2023 secara webinar di Akademi Percukaian Malaysia dengan penyertaan seramai 3,500 orang Team HASiL dan 20 orang pegawai kanan Kementerian Kewangan.

MTB 2024 yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Sotimin Bin Muhalip, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) HASiL merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Rang Undang-Undang Kewangan (JKPRUU) Tahun 2024 ini turut diserikan dengan sesi apresiasi kepada 25 orang ahli JKPRUU 2024 dan kepada 9 orang ahli Jawatankuasa *Task Force 2 Pillar* (JKTF2P) sebagai tanda penghargaan atas komitmen serta dedikasi semua jawatankuasa yang terlibat.

Taklimat Bajet 2024 dimulakan dengan pembentangan pindaan-pindaan akta di bawah seliaan HASiL oleh

YBhg. Datuk Dr. Sotimin dan disusuli dengan sesi soal jawab yang dipengerusikan oleh beliau bersama-sama En. Hishamudin Bin Mohamed, Pengarah Jabatan Dasar Percukaian (JDP), Y.M Raja Kamarul Zaman Bin Raja Musa, Pengarah Jabatan Undang-Undang dan Puan Norhaslinda Binti Bukhari, Pengarah Bahagian Perkilangan dan Industri Utama, JDP. Platform perkongsian maklumat ini diadakan untuk menyediakan ruang kepada Team HASiL bagi mendapat maklumat terkini dan penjelasan berhubung cadangan pindaan-pindaan akta serta pengumuman penting lain selepas pembentangan Belanjawan 2024 oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023.

Penganjuran MTB 2024 ini juga diharapkan agar dapat meningkatkan pemahaman setiap peserta terhadap inti pati pembentangan belanjawan dalam merealisasikan hasrat Kerajaan untuk terus memperkasakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat di samping merancakkan pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).



YBhg. Datuk Dr. Sotimin Bin Muhalip bersama-sama Jawatankuasa Kerja Majlis Taklimat Bajet 2024

Sekitar Perjalanan Majlis Taklimat Bajet 2024





A JOURNEY OF YEARS, A LEGACY OF ACHIEVEMENT : MAJLIS ANUGERAH HASIL 2023

Oleh : Jabatan Pengurusan Insan

Penganjuran Majlis Anugerah HASiL (MAH) 2023 merupakan satu platform penghargaan kepada Team HASiL yang telah memberikan khidmat bakti serta menjalankan tanggungjawab kepada organisasi dengan cemerlang selama 20 dan 30 tahun. Bertemakan *A Journey of Years, A Legacy of Achievement*, MAH 2023 telah diserikan dengan kehadiran 284 orang Team HASiL dengan jumlah penerima anugerah adalah seramai 370 orang dalam pelbagai kategori yang ditetapkan oleh penganjur. Satu sesi bual bicara bertajuk *The Success Stories : Beyond Legacy and Achievement* bersama YBhg. Dato' Sri Mohd. Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL turut diadakan sebagai wadah perkongsian

serta pandangan dalam menerapkan kelangsungan kecemerlangan dalam kalangan Team HASiL.

MAH 2023 menampilkan kategori Anugerah Pingat HASiL, Anugerah Kecemerlangan HASiL, Anugerah Platinum HASiL dan Anugerah Pearl HASiL. Anugerah Kecemerlangan HASiL diberikan kepada Team HASiL yang menunjukkan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan serta sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelawanan, kemasyarakatan, kesukanan, keilmuan, kebudayaan dan sebagainya yang telah mengharumkan nama HASiL dan negara.



Sesi Bual Bicara Bersama KPE HASiL – *The Success Stories : Beyond Legacy and Achievement*



KPE HASiL dan Pengurusan Atasan HASiL bergambar kenangan bersama-sama sebahagian daripada penerima Anugerah Pearl HASiL 2023



KPE HASiL dan Pengurusan Atasan HASiL bersama-sama penerima Anugerah Kecemerlangan HASiL 2023

RANGKUMAN AKTIVITI SUKAN TEAM HASIL 2023

Oleh : Majlis Kebajikan dan Sukan Hasil Dalam Negeri Malaysia (Majlis Sukan)

WORK HARD, PLAY HARD & BE KIND : BENGKEL PENYELARASAN AKTIVITI KEBAJIKAN & SUKAN HASIL 2023

TARIKH : 20 - 22 MAC 2023

PENYERTAAN : 51 ORANG WAKIL KELAB GABUNGAN DI BAWAH MAJLIS SUKAN

- AKTIVITI :**
1. BENGKEL PENYELARASAN AKTIVITI KEBAJIKAN & SUKAN HASIL 2023
 2. MESYUARAT AGUNG DWI-TAHUNAN MAJLIS SUKAN
 3. BICARA SUKAN DAN KEBAJIKAN BERSAMA-SAMA KPE HASIL



PERTANDINGAN JORAN KEWANGAN 2023

TARIKH : 3 JUN 2023

PENYERTAAN : 35 ORANG TEAM HASIL DARIPADA 272 PENYERTAAN

PENCAPAIAN : JOHAN KATEGORI AGENSI



PERTANDINGAN TREASURE HUNT KEMENTERIAN KEWANGAN 2023

TARIKH : 15 – 16 JULAI 2023

PENYERTAAN : 4 PASUKAN TEAM HASIL DARIPADA 32 PENYERTAAN

PENCAPAIAN : TEMPAT KETIGA (HUNTASTIC), KELIMA (HUNTER QARUN), KEENAM (TINY TIGER) DAN SAGUHATI (NOWISE)



1st DGT - IRBM REVENUE GAMES 2023

TARIKH : 20 – 23 JULAI 2023

PENYERTAAN : 92 KONTINJEN TEAM HASIL DAN 158 KONTINJEN DIREKTORAT JENDERAL

SUKAN : PAJAK (DJP), INDONESIA

DIPERTANDINGKAN : BOLA SEPAK, CATUR, BADMINTON, BOLA TAMPAR, PING PONG DAN BOLING



KARNIVAL SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (KSKK) 2023

TARIKH : 25 – 27 OGOS 2023
PENYERTAAN : 45 KONTINJEN TEAM HASIL
PENCAPAIAN : JOHAN KESELURUHAN KSKK 2023



KARNIVAL SUKAN BADAN BERKANUN (SUKANUN) 2023

TARIKH : 3 – 10 SEPTEMBER 2023
PENYERTAAN : 220 KONTINJEN TEAM HASIL
PENCAPAIAN : TEMPAT KEEMPAT DARIPADA 59 AGENSI



LARIAN KEWANGAN 2023

TARIKH : 15 OKTOBER 2023

PENYERTAAN : 279 ORANG TEAM HASIL

PENCAPAIAN

10km Lelaki Terbuka

Johan:
Muhammad Amirulamin
Abdu Manan (JPH)

Keempat:
Wan Muhammad Rauzan
Rafeeq (LHDNM Selangor)

10km Wanita Terbuka

Johan:
Nur Izzaty Abdullah
(LHDNM Melaka)

Naib Johan:
Siti Nurzullieeka
Marzuki (JKK)

Kelapan:
Siti Mahirah Awang
(JPH)

Keenam:
M Azmi Abdullah (APM)

Johan:
Parida Usman (CPCB)

10km Lelaki Veteran

10km Wanita Veteran



SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN LHDNM 2023

- TARIKH** : 16 OGOS HINGGA 14 SEPTEMBER 2023
PENYERTAAN : 7 ORANG HASILIAN
AKTIVITI : PERTANDINGAN TIRU GAYA TOKOH
 KEMERDEKAAN MALAYSIA



Sambutan Bulan Kemerdekaan LHDNM 2023



HARI
KEMERDEKAAN
MALAYSIA
KE-66






PERTANDINGAN TIRU GAYA TOKOH KEMERDEKAAN MALAYSIA

Keputusan Pemenang.

<p>PEMENANG UTAMA</p> <p>MUHAMMAD DINIE AZIM BIN ZULKUPLI (LOKALITI TAIPING)</p> <p>AHMAD HUMAIZI BIN KHALID (JABATAN PENYELIDIKAN DAN STRATEGIK)</p> <p>ZETTY ASYIREEN BINTI AMIRNUDIN (LOKALITI BANGI)</p>	<p>PEMENANG SAGUHATI</p> <p>NUR AIN WARDATUL ARDAN BINTI MOHD KHALID NAJHAN (LOKALITI CHERAS)</p> <p>NUR SYAFIQAH BINTI ABD JAMAL (LOKALITI CHERAS)</p> <p>MUHAMAD ZAINI BINTI AZIZAN (PPN KEDAH/ALOR SETAR)</p> <p>MUHAMMAD ADZHIM BIN ISMAIL (CAWANGAN PEMBAYAR CUKAI BESAR)</p>
--	---

ANJURAN
SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT & PERKHIDMATAN AM,
BAHAGIAN KHIDMAT LOGISTIK, JABATAN LOGISTIK KORPORAT

TEMPAT PERTAMA :



TEMPAT KEDUA :



TARIKH : 23 OGOS HINGGA 15 SEPTEMBER 2023

PENYERTAAN : HASILIAN APM BANGI

AKTIVITI : PERTANDINGAN HIASAN PEJABAT



TEMPAT PERTAMA :



TEMPAT KEDUA :



TEMPAT KETIGA :

BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2023 PERINGKAT HASIL

Oleh : Jabatan Pengurusan Insan

- TARIKH :** Sepanjang Bulan Oktober 2023
- PENYERTAAN :** Lebih 2000 orang Team HASiL Seluruh Malaysia
- AKTIVITI :**
1. Kuiz Kaunseling Siri 1 dan 2
 2. Tip Pemimpin Positif
 3. Spektrum Psikologi : Tahukah Anda?
 4. Seminar 'Terapi Merawat Cinta 2023'
 5. Kaunseling Kelompok 'Berdamai Dengan Takdir'
 6. Pertandingan Video Persekitaran Positif LHDNM
 7. Siri Ceramah 'Bicara Ini Bicara Kita'
 8. *Fellow Care Officer* (FCO) Podcast
 9. Aktiviti Pengukuhan Psikologi oleh FCO



Fellow Care Officer (FCO) Podcast



Siri Tip Pemimpin Positif



Seminar 'Terapi Merawat Cinta 2023'



SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI HASIL TAHUN 2023

Oleh : Jabatan Khidmat Korporat

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti HASiL 2023 (HII 2023) telah berlangsung pada 1 November 2023 di Dewan Bangsawan, Menara HASiL Cyberjaya dan turut disiarkan secara webinar bagi tontonan Team HASiL di seluruh Malaysia. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Ahmad bin Maslan, Timbalan Menteri Kewangan I dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, barisan Anggota Lembaga dan barisan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, pelbagai pengisian telah dirancang serta dilaksanakan seawal September 2023 dengan penyertaan yang amat

memberangsangkan daripada Team HASiL. Program-program tersebut adalah :

1. **Sepanjang September dan Oktober 2023 :** Pelaksanaan Pertandingan-Pertandingan Sempena HII 2023,
2. **24 Oktober 2023 :** Bicara Perdana Integriti : Integriti Tonggak Madani Bersama YBhg. Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Canselor University of Cyberjaya / Pengerusi Kumpulan Kesihatan UCSI, dan
3. **31 Oktober dan 1 November 2023** Kaunter Perkhidmatan Agensi Luar.

Bersempena dengan sambutan HII 2023, sebanyak lima (5) produk baharu juga telah dilancarkan iaitu :

1. e-CP22

2. TAeF versi 2.0

3. eAgenC

4. Hasil International Exchange Facility 2.0 (HIDEF 2.0)

5. e-Prestasi Pelan Korporat HASiL (e-PPK HASiL)

Berikut merupakan pemenang bagi pertandingan yang telah diadakan bersempena Sambutan HII 2023:

ANUGERAH INOVASI CEO (AICEO) HASiL 2023



Nama Ahli:

1. Wan Faridah Binti Ali
2. Noradila Binti Md Rejab
3. Noor Syuhadah Binti Azizi
4. Mohd Zahlan Bin Mohamad Mustaffa
5. Mohd Zufar Bin Mohd Yusof
6. Muhamad Zakwan Bin Azizan
7. Mohd Zuhaili Bin Yusoff
8. Mohamad Anyzu Bin Shaari

PENERIMA ANUGERAH AICEO HASiL 2023

Nama Kumpulan: **1-EAGLE**

(LHDNM NEGERI KEDAH – SEKSYEN KHIDMAT PELANGGAN SKP)

Nama Projek: **KEDAH SATELLITE CENTRE**

Hadiah: Wang Tunai RM 5,000, Trofi dan Sijil Penghargaan



HADIAH PENGHARGAAN

Nama Kumpulan: **SEKSYEN AUDIT EKONOMI DIGITAL (SAED)**
(JABATAN PEMATUHAN CUKAI)

Nama Projek: **PENERAPAN KONSEP BEHAVIOURAL INSIGHTS (BI) MELALUI PEMERKASAAN TRANSFORMASI AKTIVITI NUDGING TAHUN 2024 (PTAN24) DALAM AKTIVITI PEMATUHAN**

Nama Ahli:

- | | |
|----------------------------------|--|
| 1. Khairudin Bin Shamsudin | 6. Noor Syaida Binti Shukor |
| 2. Md Hasmalizan Bin Md Hussin | 7. Nur Idatun Nadia Binti Mohamad Noor |
| 3. Muhammad Hafiszal Bin Mohamad | 8. Zuhairah Binti Zainuddin |
| 4. Kamarul Azman Bin Mohamed | 9. Rosmawati Binti Jamaludin |
| 5. Mohd Syihab Bin Mohd Mahfdzuz | |

Hadiah: Wang Tunai RM 1,000 dan Sijil Penghargaan



HADIAH PENGHARGAAN

Nama Kumpulan: **I-SP TEAM**
(LHDNM NEGERI KEDAH – LOKALITI SUNGAI PETANI)

Nama Projek: **SISTEM PENGURUSAN CARETAKER (MYCARETAKER)**

Nama Ahli:

- | | |
|---|-----------------------------------|
| 1. Norhayati Binti Mat Nor | 8. Mohd Jafni Bin Muhammad Abdah |
| 2. Che Wan Nafisah Binti Che Wan Mazlan | 9. Mohd Ruzlan Bin Mohd Yunus |
| 3. Roshidawati Binti Yahaya | 10. Jamsari Bin Ramli |
| 4. Mohamad Khaalid Bin Pazim @ Fadzim | 11. Nursyamira Binti Haron |
| 5. Tan Sheau Hui | 12. Nurul Najihah Binti Abu Seman |
| 6. Devandran A/L Nagapah Reday | 13. Muhammad Wildan Bin Johari |
| 7. Ahmad Shakir Amzar Bin Mohd Saipudin | 14. Nurul Izaja Binti Md Saad |

Hadiah: Wang Tunai RM 1,000 dan Sijil Penghargaan

IDEA@HASIL 2023



Lima (5) Idea Terbaik
(Hadiah: Wang Tunai RM 500 dan Sijil Penghargaan)

1. Balvinder Singh A/L Sucha Singh
Cawangan Guaman Lembah Klang
2. Navinderpal Singh Gurdip Singh
Akademi Percukaian Malaysia
3. Ikmal Rashmy Bin Ismail
LHDNM Negeri Sabah
4. Farah Athirah Binti Ayob
LHDNM Negeri Selangor (Lokaliti Petaling Jaya)
5. Mohamad Nasir Bin Mohamed Nazri
Jabatan Khidmat Korporat

PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL INTEGRITI 2023



Tempat Pertama
(Hadiah: Wang Tunai RM 1,000 dan Sijil Penghargaan)
Muhamad Khairul Hafizul Bin Mohamed
LHDNM Negeri Pahang (Lokaliti Raub)

Tempat Kedua
(Hadiah: Wang Tunai RM 750 dan Sijil Penghargaan)
Wan Ezyan Alyani Binti Wan Adnan LHDNM
WP Putrajaya (Lokaliti Bangi)

Tempat Ketiga
(Hadiah: Wang Tunai RM 500 dan Sijil Penghargaan)
Roshidi Bin Ghazali
LHDNM Negeri Perak (Lokaliti Teluk Intan)

Tempat Keempat
(Hadiah: Wang Tunai RM 300 dan Sijil Penghargaan)
Zaharah Binti Baharudin
Cawangan Pembayar Cukai Besar

Tempat Kelima
(Hadiah: Wang Tunai RM 200 dan Sijil Penghargaan)
Ravi Varman A/L Yalu Malai
LHDNM Negeri Sarawak (Lokaliti Bintulu)

PERTANDINGAN MENCIPTA POSTER PERCUKAIAN 2023



Tempat Pertama
 (Hadiah: Wang Tunai RM 1,000 dan Sijil Penghargaan)
 Abdur Rahim Bin Ruslan
 Jabatan Teknologi Maklumat

Tempat Kedua
 (Hadiah: Wang Tunai RM 750 dan Sijil Penghargaan)
 Mohd Ahmrizal Bin Ahmad
 Jabatan Teknologi Maklumat

Tempat Ketiga
 (Hadiah: Wang Tunai RM 500 dan Sijil Penghargaan)
 Ravi Varman A/L Yalu Malai
 LHDNM Negeri Sarawak (Lokaliti Bintulu)

KEMBARA INOVASI HASIL (KIH) 2023



Kategori VIP:

Johan : Kumpulan Charlie's Angels
Naib Johan : Kumpulan Dongibab Warriors
Tempat Ketiga : Kumpulan Jumpa Dah Aaiihh!!!!



Kategori Terbuka:

Johan : Kumpulan Cucoq Hunters
Naib Johan : Kumpulan Hunter Qarun
Tempat Ke-3 : Kumpulan Tiny Tiger
Tempat Ke-4 : Kumpulan Huntastic
Tempat Ke-5 : Kumpulan Super Duper
Tempat Ke-6 : Kumpulan Ukhwah Team
Tempat Ke-7 : Kumpulan Dabelicious
Tempat Ke-8 : Kumpulan Fifa 4ever
Tempat Ke-9 : Kumpulan 3R1T




SESI LIBAT URUS HASIL DAN AGENSI

Oleh : Junaidatul Al-Fatihah Elias

Sesi libat urus HASIL dengan agensi-agensi yang terdiri daripada pelbagai sektor dan industri diadakan bertujuan memberikan penerangan serta penjelasan berhubung hala tuju dan aspirasi HASIL dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai. Ia juga merupakan platform untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pemain industri serta pihak terlibat tentang perkara-perkara berkaitan percukaian, termasuk isu-isu yang biasa dihadapi serta cadangan penyelesaian yang bakal memudahkan kedua-dua belah pihak.



OGOS	
1	 <p>Associated Zong Xiang Chinese Chamber Of Commerce Malaysia (AZXCCCM) Tarikh : 10 Ogos 2023 Tempat : Hotel Crystal Crown, Kuala Lumpur</p>
2	 <p>Malaysia Retail Chain Association (MRCA) Tarikh : 11 Ogos 2023 Tempat : Skypark One City, Subang, Selangor</p>
3	<p>Rakan Strategik HASIL – Selebriti dan Pengengaruh Media Sosial Tarikh : 28 Ogos 2023 Tempat : Dashbox Hotel, Cyberjaya, Selangor</p>

SEPTEMBER	
1	 <p>Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM) Tarikh : 13 September 2023 Tempat : Sunway Medical Centre, Subang Jaya, Selangor</p>
2	 <p>The Chinese Chamber of Commerce & Industry of Kuala Lumpur & Selangor Tarikh : 14 September 2023 Tempat : Wisma Chinese Chamber, Kuala Lumpur</p>
OKTOBER	
1	 <p>National Chamber of Commerce and Industry of Malaysia (NCCIM) Tarikh : 9 Oktober 2023 Tempat : Wisma FMM, Kuala Lumpur</p>



PROGRAM PENGAKUAN SUKARELA 2.0 : AMBIL PELUANG LUNAS CUKAI TANPA PENALTI

Oleh : Jabatan Khidmat Korporat

Pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 memberi peluang kepada pembayar cukai baharu dan sedia ada untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai mereka berteraskan konsep **A.E.S (Awareness, Education, Services)** yang diamalkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Program ini merupakan usaha untuk menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela dan melaporkan pendapatan yang sepatutnya dalam tempoh pelaksanaannya.

PKPS yang pertama kali dilaksanakan sebelum ini dibahagikan kepada dua tempoh dengan tawaran kadar penalti yang berbeza iaitu 10% (3 November

2018 hingga 30 Jun 2019) dan 15% (1 Julai 2019 hingga 30 September 2019). Menerusi program tersebut, seramai 286,428 pembayar cukai telah mengambil peluang dengan jumlah cukai RM7.877 bilion berjaya dikutip. Kutipan ini adalah termasuk jumlah cukai, cukai tambahan dan penalti.

Bukan itu sahaja, seramai 11,176 pembayar cukai baharu telah mendaftar fail cukai dalam tempoh pelaksanaan PKPS tersebut. Kesenambungan daripada kejayaan program ini, pelaksanaan PKPS 2.0 telah diumumkan ke atas pembayar cukai yang layak semasa Pembentangan Bajet 2023 berlangsung pada 24 Februari 2023.

Pembayar cukai baharu perlu ambil peluang

PKPS 2.0 turut memfokuskan kepada penyertaan pembayar cukai baharu dalam melaporkan pendapatan kepada HASiL. Ini selaras dengan pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) mulai tahun 2023 yang mana seramai 7.8 juta individu warganegara dan pemastautin tetap diberikan TIN

secara automatik. Jadi, sebagai pembayar cukai baharu yang belum pernah melaporkan pendapatan, ambillah peluang untuk menyertai PKPS 2.0. Program ini diharap dapat membantu dan memudahkan pembayar cukai dalam memenuhi tanggungjawab mereka kepada negara.

Siapa layak sertai PKPS 2.0?

Anda layak menyertai PKPS 2.0 sekiranya mempunyai pelaporan pendapatan yang tidak pernah dilaporkan atau kurang dilaporkan, perbelanjaan atau tuntutan lain yang terlebih tuntutan atau tidak dibenarkan, pelepasan atau potongan atau rebat terlebih tuntutan dan elaun modal atau insentif yang terlebih tuntutan. Bukan itu sahaja, PKPS 2.0 juga layak kepada mereka yang ingin melaporkan pelupusan aset dan ingin membuat penyeteman dokumen atau perjanjian yang tidak disetem dalam tempoh yang dibenarkan.

PKPS 2.0 ditawarkan kepada semua kategori pembayar cukai kecuali bagi kategori fail majikan. Sebagai majikan, laksanakan tanggungjawab untuk meremit bayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) pekerja anda mengikut prosedur sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

**PROGRAM KHAS
PENGAKUAN SUKARELA 2.0**

SEKIRANYA ANDA :

- * Belum Pernah Laporkan Pendapatan
- * Belum Kemukakan Borang Nyata Cukai
- * Terkurang Laporkan Pendapatan
- * Tidak Laporkan Pelupusan Aset
- * Gagal Membuat Penyeteman Surat Cara Dalam Tempoh Yang Ditetapkan

Maklumat Lanjut Di : WWW.HASIL.GOV.MY

www.hasil.gov.my | facebook.com/LHDNM | @LHDNOfficial | @lhdnofficial | 03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

Bagaimana taksiran dibuat ke atas pengakuan melibatkan tahun ke belakang?

Pembayar cukai baharu yang telah memulakan perniagaan atau mempunyai pendapatan bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang layak menyertai PKPS 2.0.

Pembayar cukai sedia ada pula terbahagi kepada dua kategori. Kategori pertama ialah mereka yang pernah melaporkan pendapatan kepada HASiL tetapi tidak mengemukakan Borang Nyata bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang. Manakala, bagi kategori kedua ialah mereka yang pernah melaporkan pendapatan kepada HASiL dan mempunyai pendapatan atau pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang.

Pengakuan juga boleh dibuat bagi mereka yang tidak melaporkan pelupusan aset bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang. Bagi pembayar duti, PKPS 2.0 boleh disertai sekiranya mereka mengemukakan dokumen

atau perjanjian yang telah ditandatangani pada atau sebelum 1 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 6 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.

Perniagaan menerusi fail perkongsian yang ingin membuat pengakuan sukarela perlu mendapat persetujuan daripada semua ahli kongsi. Kadar penalti akan dinikmati oleh setiap ahli kongsi.

Semua pengakuan sukarela bagi pendapatan tahun ke belakang akan ditaksir berdasarkan tahun taksiran yang sepatutnya seperti mana diperuntukkan di bawah undang-undang percukaian. Pengakuan sukarela ini juga melibatkan tempoh langkau masa.

Bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), pengakuan sukarela atas pelaporan pelupusan aset tahun ke belakang akan ditaksir berdasarkan tahun taksiran aset tersebut dilupuskan.

Pengakuan diterima secara suci hati dan tiada tindakan audit

Pembayar cukai hendaklah memastikan pengakuan sukarela yang dibuat adalah tepat dan teratur. HASiL akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh PKPS 2.0 dengan suci hati. Tiada tindakan audit atau siasatan akan dilakukan

pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, sekiranya anda gagal melunaskan bayaran cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan, tindakan audit atau siasatan boleh diambil bagi tahun taksiran yang terlibat.

Manfaat kepada pembayar cukai

Pembayar cukai akan menikmati tawaran penalti atau surcaj pada kadar 0%. Ini bermakna tiada penalti atau surcaj akan dikenakan sekiranya mereka melaporkan pendapatan menerusi program ini. PKPS 2.0 untuk duti setem pula menawarkan pengecualian

pengenaan penalti sepenuhnya ke atas mana-mana dokumen atau perjanjian yang telah ditandatangani pada atau sebelum 1 Mei 2023 dan masih belum disetamkan.

Permohonan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja

Permohonan PKPS 2.0 diproses dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat kelayakan kecuali bagi kes yang melibatkan isu harga pindahan. Bagi kes melibatkan isu harga pindahan, permohonan diproses dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat kelayakan program.

Surat penyelesaian PKPS 2.0 akan dikeluarkan bersama-sama notis taksiran atau taksiran tambahan bagi pengakuan sukarela yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Sertai PKPS 2.0 secara dalam talian

Pengakuan sukarela boleh dibuat mulai sekarang sehingga 31 Mei 2024 menerusi Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>. Kemukakan Borang Nyata bagi tahun-tahun taksiran yang terlibat bagi pembayar cukai yang pertama kali melaporkan pendapatan.


Jika anda telah melaporkan pendapatan dan terdapat pendapatan tambahan untuk dilaporkan, gunakan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.

Gunakan e-Filing atau e-CKHT bagi pengemukaan Borang Nyata / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) yang telah tersedia dan boleh diakses dalam talian mengikut tahun taksiran.

Borang Nyata yang sudah tidak boleh diakses dalam talian perlu dikemukakan secara manual ke Pejabat HASiL yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat HASiL berhampiran. Borang Nyata manual boleh dimuat turun dan dicetak daripada Portal Rasmi HASiL.

Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan juga boleh dimuat turun dari Portal Rasmi HASiL. Borang yang telah lengkap diisi berserta lampiran perlu dikemukakan kepada Pejabat HASiL yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat HASiL yang berhampiran.

Bagi pembayar duti, dokumen/ perjanjian perlu dikemukakan melalui *Stamp Assessment and Payment System (STAMPS)* untuk proses penysetaman.



Bayaran cukai dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis

Bayaran cukai boleh dibuat secara sekali gus dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis atau secara ansuran berdasarkan aturan bayaran ansuran yang dipersetujui sehingga 31 Mei 2024 tanpa perlu mengemukakan dokumen sokongan.

Permohonan aturan bayaran ansuran perlu dikemukakan melalui pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi HASiL atau MyTax dengan menggunakan Borang Permohonan Bayaran Ansuran PKPS 2.0. Sekiranya pembayar cukai gagal menjelaskan baki cukai pada

akhir tempoh yang ditetapkan, kenaikan cukai akan dikenakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Anda mungkin dikenakan tindakan undang-undang dan boleh diaudit di masa hadapan jika tunggakan cukai tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan. Jadi, rebut tawaran sekarang dengan memohon bayaran ansuran sehingga 31 Mei 2024 bagi mengurangkan komitmen bayaran ansuran setiap bulan.

Pendapatan diterima atau disimpan di luar negara tertakluk cukai

Pendapatan diperoleh atau terbit dari Malaysia walaupun disimpan dalam akaun bank di luar negara masih tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia. Sekiranya pendapatan tersebut masih belum diisytiharkan, laporkannya menerusi PKPS 2.0 berdasarkan tahun taksiran ia diperoleh berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Mulai 1 Januari 2022, pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin adalah tertakluk

kepada pengenaan cukai pendapatan di Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat pengecualian cukai diberikan berhubung pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Maklumat lanjut boleh dirujuk di Garis Panduan Layanan Cukai Berhubung Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Negara (Pindaan) bertarikh 29 Disember 2022 di Portal Rasmi HASiL.

Ingin tahu lebih lanjut tentang PKPS 2.0?

Pertanyaan berkaitan PKPS 2.0 boleh dibuat secara dalam talian menerusi HASiL Live Chat di Portal Rasmi HASiL atau menghubungi Hasil Care Line di talian 03-89111000/ 603-89111100 (luar negara). Anda juga boleh terus ke Kaunter Perkhidmatan HASiL yang berhampiran.



Cara mudah dan cepat untuk mendapatkan maklum balas berkaitan PKPS 2.0 adalah menggunakan HASiL Live Chat.

Sertai PKPS 2.0 sekarang!

Rebut tawaran lunas cukai tanpa penalti. Sertai PKPS 2.0 sekarang sehingga 31 Mei 2024 menerusi Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my> atau melalui pautan PKPS 2.0 di www.hasil.gov.my.





Trivia Aktiviti Pendidikan Cukai HASiL

Susunan: Bahagian Pendidikan Cukai, Jabatan Khidmat Korporat

1

Program Sahabat Hasil (PSH) merupakan program pendidikan cukai LHDNM bersama para pelajar peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah menengah, di mana pengisian program adalah penyampaian taklimat berkaitan Percukaian di Malaysia, Manfaat Cukai, Kenali HASiL dan Kerjaya di HASiL.

2

Program *Siswapreneur Business Ethics and Compliance* (SBEC) merupakan kolaborasi bersama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar yang menjalankan perniagaan berhubung percukaian dalam pengurusan perniagaan.

3

Program kolaborasi bersama Institut Pendidikan Guru (IPG) bertujuan menjadikan bakal guru sebagai Duta HASiL untuk menyalurkan maklumat percukaian kepada murid-murid peringkat sekolah rendah.


4

Program *Training of Trainer* (TOT) luaran atau dikenali sebagai Program Tunjuk Ajar Ku Sifu ini pula dijadualkan pada tahun 2023 yang bertujuan membantu dan mendidik para pembayar cukai berkaitan tanggungjawab majikan bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela.

5

Lima (5) buah program kolaborasi dan kesedaran cukai di antara pihak HASiL dengan Industri / Persatuan dan Dewan-Dewan Perniagaan dijadualkan di enam (6) lokasi di Zon Utara, Selatan, Timur, Lembah Klang, Sabah dan Sarawak pada tahun 2023. Peranan HASiL dalam program seumpama ini lebih kepada perkongsian maklumat dalam slot taklimat dan pembukaan kaunter / booth Jom Klik HASiL.

Rangkuman Aktiviti HASiL Bersama Komuniti



1. TABUNG MANGSA GEMPA BUMI DI TURKIYE DAN SYRIA

TEMPOH : 17 Februari sehingga 27 Mac 2023
PENERIMA : Disalurkan melalui Tabung Bencana
Kementerian Luar Negeri (TBKLN)



2. MAJLIS KEJOHANAN GOLF AMAL SRIKANDI HASIL PUTRAJAYA

TEMPOH : 27 Ogos 2023
PENERIMA : Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM).



3. PROGRAM CSR HASIL : PERTUBUHAN RUMAH AMAL CAHAYA TENGGU AMPUAN RAHIMAH SELANGOR (RACTAR)

TEMPOH : 21 September 2023

PENERIMA : Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah Selangor (RACTAR)



4. PROGRAM CSR HASIL KASIH PRIHATIN : DEKAT PADAMU SABAH 2023

TEMPOH : 19 dan 20 Oktober 2023

PENERIMA :

- i. Pelajar SK Pulau Bum-Bum,
- ii. Masjid Imam Hailullah Kampung Pulau Bum-Bum,
- iii. Pulau sekitar Semporna, dan
- iv. Pelatih Orang Kelainan Upaya (OKU), Pusat Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Kampung Bugaya, Semporna



5. PROGRAM CSR HASIL KASIH PRIHATIN PERINGKAT NEGERI SARAWAK

TEMPOH : 7 November 2023

- PENERIMA** :
- i. Kompleks Kebajikan Hamidah Yakup Miri (Rumah Anak Yatim),
 - ii. Persatuan Ibu Bapa Kanak-Kanak Istimewa (PIBAKIS) Miri, dan
 - iii. Pusat Maahad Tahfiz An-Naim Lutong, Miri.



6. TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN BAGI PERKHIDMATAN AWAM

TEMPOH : 30 Oktober sehingga 10 November 2023

PENERIMA : Disalurkan melalui Kementerian Luar Negeri (TBKLN)

TINTA DUKA DARI BUMI SYRIA

Oleh : Mohd Khairul Mustazam Bin Idris,
Penerima Anugerah Kecemerlangan HASIL (Kategori CSR) 2023

Menjejakkan kaki ke salah satu negara di bawah naungan 'Tanah Syam' sememangnya satu rezeki yang tidak mungkin untuk dilupakan apatah lagi cuba untuk menyelami kepayahan umat Islam di negara itu. Konflik berdarah di negara berkenaan bermula sekitar tahun 2012 susulan 'Arab Spring' atau kebangkitan rakyat Arab menentang pemerintah dan beberapa negara turut menerima implikasi hasil daripada gerakan berkenaan.

Syria tidak terkecuali. Negara berkenaan memperlihatkan kesan konflik berpanjangan apabila lebih 12 juta rakyat negara itu 'dipaksa' untuk keluar daripada negara sendiri akibat kesan perang saudara. Konflik berkenaan turut meragut nyawa antara 600,000 hingga 620,000 berdasarkan laporan pertubuhan antarabangsa sehingga Ogos lalu. Negara itu juga terpecah kepada beberapa pemerintahan berasingan iaitu 63.38 peratus wilayah dikuasai sepenuhnya oleh Rejim Syria iaitu pemerintahan kerajaan Bashar al-Assad, 10.98 peratus daripada pihak pemberontak dan 25.64 daripada pihak Syrian Democratic Forces (SDF).

Kawasan yang dikuasai oleh tentera rejim antaranya Damsyik, As-Suwayda, Deir Ez-Zor, Hama, Homs dan beberapa wilayah penting yang lain. Kawasan Idlib pula di bawah penguasaan tentera pemberontak iaitu Hay'at Tahrir al-Sham (HTS) dan



Pasukan Misi Kemanusiaan daripada Muslim Care Malaysia (MCM)

lokasi berkenaan antara sasaran 'popular' bagi tentera rejim untuk melancarkan serangan udara.

Penulis berpeluang untuk menjejakkan kaki ke Idlib dan melihat sendiri kesan peperangan, penderitaan dan keperluan rakyat Syria dalam tempoh konflik berdarah berkenaan. Perjalanan penulis daripada wilayah Hatay, Turkiye ke sempadan Syria mengambil masa kira-kira satu jam. Ketika itu, pelbagai debaran dirasai termasuk keterujaan untuk menjejakkan kaki ke Tanah Syam, tanah yang dijanjikan dengan penuh keberkatan dan tanah kebangkitan umat Islam pada akhir zaman ini.



Penulis bergambar kenangan dengan anak-anak Syria

Memasuki Syria, penulis perlu melalui dua wilayah Syria yang ditadbir oleh Turkiye iaitu Jenderis dan Afrin, dua wilayah berkenaan boleh dikatakan oleh wilayah selamat memandangkan di bawah kawalan Turkiye. Sepanjang perjalanan menuju ke Idlib, kelihatan ribuan khemah pelarian serta berpuluh tapak kem kelihatan di sekitar jalan dan terdapat pemandangan yang menyentuh perasaan penulis. Melihat anak kecil berkeliaran dengan pakaian lusuh, meminta wang dan makanan antara pemandangan yang mengusik jiwa kerana mereka berada

dalam kelaparan dan hanya mengharapkan bantuan yang dihulurkan oleh pihak ketiga.

Penulis sempat berbual dengan Duta Muslim Care Malaysia yang juga Pensyarah Jabatan Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang-Undang, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Profesor Dr Mohd Mizan Mohd Aslam berhubung perincian konflik yang melanda Syria ini, Beliau menyatakan bahawa Syria menghadapi konflik enam penjuar membabitkan Rusia, Amerika Syarikat (AS) dan beberapa pecahan kumpulan pembebasan yang lain. Beliau yang juga Duta Muslim Care Malaysia (MCM) berkata, setiap pihak yang terbabit dalam konflik berdarah ini mempunyai kepentingan tersendiri untuk memperluaskan pengaruh atau memanipulasi hasil bumi Syria.

“Jika dilihat kepada pecahan wilayah kekuasaan, Syria dipecahkan kepada beberapa wilayah iaitu penguasaan di bawah pemerintahan Bashar al-Assad serta penyokongnya, wilayah seliaan Hay’at Tahrir al-Sham (HTS) dan wilayah yang tidak dipunyai oleh mana-mana pihak. Wilayah yang tidak dipunyai mana-mana pihak seperti bandar yang terletak berhampiran dengan Homs dan masih berlaku

pertempuran untuk perebutan tempat berkenaan. Pada masa sama, konflik itu didominasi oleh Rusia selaku sekutu rapat regim Bashar, manakala peranan AS yang mahu mendominasi telaga minyak di negara ini,” kata beliau.

Ujar beliau lagi, semua faktor berkenaan menjadikan Syria sebagai ‘perang proksi’ kuasa besar dan pihak yang menderita adalah rakyat negara itu sendiri. Kebanyakan telaga minyak ini berdekatan dengan kawasan Al-Tanf dan Hasakah yang terletak kira-kira 380 kilometer daripada Aleppo iaitu pusat pemerintahan Syria.

“Saya lihat sendiri penderitaan rakyat Syria, mereka bukan saja menjadi mangsa perang tetapi berdepan dengan isu ketiadaan pendapatan, kekurangan pendedahan tentang

pendidikan dan jika konflik berterusan, keadaan pasti lebih buruk. Apa yang kita boleh dilakukan adalah menyalurkan bantuan sama ada bersifat ‘one-off’ ataupun melaksanakan projek lestari jangka panjang sekali gus mampu meringankan beban rakyat Syria,” tambah beliau.

Konflik yang dihadapi oleh Syria ini tidak mudah untuk dirungkai kerana ia membabitkan pembabitan banyak pihak termasuk kuasa besar dunia. Tidak keterlaluan jika disifatkan bahawa Syria menjadi papan catur manakala rakyatnya menjadi ‘bidak catur malang terpilih’. Namun, setiap yang berlaku ini adalah ketentuan daripada Allah SWT. Pastinya, hujan tidak akan turun sepanjang hari, sinar mentari akan kembali di bumi Syria. Tetapi, mahar yang perlu dibayar oleh umat Islam adalah terlalu besar.

Boleh dengar bunyi letupan

Wartawan Harian Metro bersama sukarelawan MCM berdepan serangan jet pejuang ketika berada di Idlib

Ketika itu, penulis hanya mampu bertawakal kerana menyedari bahawa sekolah adalah antara satu sasaran strategik malah madrasah berkenaan pernah diserang dua tahun lalu yang mengakibatkan dua nyawa iaitu tuang masak dan seorang pelajar sekolah. Penulis dimaklumkan oleh seorang guru sekolah

“Siren kecemasan dibunyikan memandangkan masih ada jet pejuang berlepas”

Penulis sempat merakam gambar asap letupan bom sebelum diarahkan oleh kakitangan sekolah untuk berlindung di dalam bangunan kerana bimbang dipalitkan sasaran pengedaran.

Lokasi bandar Arifa dengan wilayah kawalan tentera regim adalah kira-kira lima kilometer. Maklumat daripada kakitangan sekolah berkenaan menyatakan bahawa berlaku pertempuran yang sengit antara tentera regim dan tentera pembesahan Syria di wilayah berhampiran

Misi bantuan tetap dijalankan walaupun berisiko tinggi: MCM

Idlib: Walaupun berdepan dengan bahaya sehingga mungkin berisiko kehilangan nyawa namun misi bantuan tidak pernah menemui jalan tolak. Presiden Muslim Care Malaysia (MCM) Zulkifli Wahlan membetulkan bahawa

Sejajar dengan aspirasi itu, beliau berkata, MCM mementingkan asas pendidikan sebagai titik tolak supaya anak-anak di Syria juga berpeluang untuk mendapatkan pendidikan seperti rakan seusia mereka di tempat lain.

Antara liputan misi kemanusiaan ke Syria oleh media tempatan



Sebahagian daripada aktiviti oleh sukarelawan MCM

MEDIA SOSIAL HASIL



Anda Buntu?
HASiL
Sedia
Membantu

INISIATIF PENDIGITALAN PERKHIDMATAN HASiL : e-PERKHIDMATAN



Apakah inisiatif HASiL dalam mendepani transformasi pendigitalan seiring dengan perkembangan semasa?

Sejajar dengan transformasi teknologi dan pendigitalan sistem perkhidmatan percukaian serta komitmen bagi meningkatkan tahap perkhidmatan pelanggan, HASiL akan **mewajibkan penggunaan e-Perkhidmatan** bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan secara dalam talian melalui gerbang perkhidmatan **Portal MyTax** secara berperingkat bermula **1 September 2023**.



Apakah kelebihan pelaksanaan e-Perkhidmatan dibuat secara mandatori?

Pelaksanaan penggunaan e-Perkhidmatan secara mandatori ini bertujuan untuk:

1. Memberikan akses yang mudah, selamat dan pantas kepada para pembayar cukai dalam melaksanakan urusan percukaian mereka tanpa perlu hadir ke pejabat HASiL, dan
2. Meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan HASiL kepada pelanggan.



Adakah penggunaan e-Perkhidmatan HASiL diwajibkan secara serentak?

Ia dijalankan secara berperingkat, iaitu :

- a. e-Perkhidmatan Yang Diwajibkan bermula **1 September 2023** melibatkan :
 - Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai (TIN),
 - Permohonan No. PIN,
 - Pengemaskinian Maklumat,
 - Bayaran Pendahuluan,
 - Pengemukaan Borang Nyata, Dokumen Percukaian dan Surat Cara; dan
 - Permohonan dan Rayuan; dan
- b. e-Perkhidmatan Yang Belum Diwajibkan (**Digalakkan Penggunaannya**) bagi perkhidmatan :
 - Pembayaran Cukai,
 - e-CKHT,
 - e-Permohonan Pindaan BE, dan
 - e-CP22.



RAKAN STRATEGIK HASIL

PROGRAM KESEDARAN CUKAI BERSAMA

SELEBRITI & PEMPENGARUH TAHUN

2023/2024



**CUKAI PENDAPATAN
INDIVIDU**

Income Tax Payment For Individual



**CUKAI PENDAPATAN
SYARIKAT**

Income Tax Payment For Company



**CUKAI PENDAPATAN
MAJIKAN**

Income Tax Payment For Employer



**CUKAI PENDAPATAN
& ANDA**

Income Tax & You



**PENDAPATAN
PERNIAGAAN INDIVIDU**

Individual Business Income



EKONOMI DIGITAL

Digital Economy



**PENAMATAN
PERKHIDMATAN**

Termination Of Service



DUTI SETEM

Stamp Duty



E-DAFTAR

e-Daftar



**TANGGUNGJAWAB
MAJIKAN**

Responsibility Of Employer



**CUKAI KEUNTUNGAN
HARTA TANAH**

Real Property Gains Tax



CUKAI KORPORAT

Corporate Tax



CUKAI KOPERASI

Cooperative Tax



SEKATAN PERJALANAN

Stoppage Order



SISTEM E-CP39

e-CP39 System



SEKSYEN 44(6)

Section 44(6)



MYTAX

MyTax

www.hasil.gov.my

**SCAN
ME!**

Physical Space *to* Digital Space



/LHDNM



/LHDNofficial



/LHDNM



/LhdnTube



@lhdnofficial



03-8911 1000